




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **112 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,785 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kunak. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 45 menjadikan jumlah kumulatif 55,129 orang. Seramai 1010 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 302 orang di hospital, 643 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 65 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 51 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan berubah dari zon kuning ke zon hijau, daerah Beluran bertukar dari zon hijau ke zon kuning, daerah Papar berubah dari zon kuning ke jingga manakala daerah Putatan bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 12 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Tiada **kluster** baharu direkodkan hari ini.

6 Daripada 112 kes positif COVID-19, sebanyak 58 kes (51.8%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 11 kes (9.8%) saringan bergejala, 35 kes (31.3%) dari kluster sedia ada serta lapan (8) kes (7.1 %) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 4,045 unit
- Hospital 517 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,008 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 24.97%.

## **B PEMBATALAN PKPD BAGI TIGA (3) LOKALITI DI LAHAD DATU**

- 1 Berdasarkan penilaian risiko semasa di tiga (3) lokaliti PKPD yang telah diumumkan oleh Kerajaan di daerah Lahad Datu iaitu Kg. Bikang, Kg. Kudomo dan Taman Khazanah Indah, Kerajaan Negeri atas nasihat KKM bersetuju agar pelaksanaan PKPD di kawasan tersebut dibatalkan.
- 2 Namun dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Lahad Datu untuk sentiasa memantau keadaan di lokaliti-lokaliti tersebut bagi memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dikawal dengan sebaiknya.

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **29** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,780** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **238** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,115** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **3,117** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **426,934** (mysejahtera 390,385 : laman web 36,307 : talian vaksinasi 242) bersamaan 14.6%.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **307,998** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 59 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 21,873 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 221 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 40 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Kota Kinabalu 33 orang.
    - Satu (1) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri pelanggan
    - 30 orang : Tiada penjarakan sosial.
    - Dua (2) orang : Tidak memakai pelitup muka.
  - Papar satu (1) orang.
    - Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri pelanggan
  - Lahad Datu enam (6) orang.
    - Tiga (3) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri pelanggan
    - Tiga (3) orang : Tiada penjarakan sosial.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 65 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 dan satu lagi di bawah Akta Imigresen 1959/63.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 383 lokasi melibatkan seramai 199 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 63 anggota di 66 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Kota Kinabalu, dan Keningau.
- 7 Sejumlah 25 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 41 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.8%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	98%
2	Beluran	98%
3	Semporna	97%
4	Kota Marudu	97%
5	Penampang	97%
6	Ranau	97%
7	Beaufort	97%
8	Papar	97%
9	Kudat	97%
10	Kota Belud	97%
11	Tenom	97%
12	Kota Kinabalu	97%
13	Kunak	97%
14	Keningau	97%
15	Tuaran	96%
16	Lahad Datu	96%
17	Kinabatangan	96%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**18 APRIL 2021**